



## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	16/1/2020	MUKA SURAT	: 53
JABATAN	:	PERHILITAN		
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>		

### Penjara setahun, denda RM1.46j miliki tenggiling

**Bintulu:** Dua lelaki masing-masing dihukum penjara setahun dan denda RM1.46 juta oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam selepas didapati bersalah memiliki 146 tenggiling.

Tan Choon How, 45, dan Kelvin Por Seong Wooi, 31, yang berasal dari Pulau Pinang, didakwa memiliki tenggiling spesies Malayan Pangolin (*Manis Javanica*) yang dilindungi mengikut Seksyen 37(2)(b) dan 37(1) Ordinan Perlindungan Hidupan Liar 1998.

Keputusan dibuat terhadap kedua-dua tertuduh oleh Hakim Norhamizah Shaiffuddin.

Kesalahan itu dilakukan di perairan Bintulu pada awal April 2018 dan tertuduh ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Bintulu sebelum diserahkan kepada Jabatan Hutan Sarawak.

Bagaimanapun, dua lagi tertuduh iaitu warga India, Anoop Pathak dan Do Doan Lai, dari Vietnam, didapati tidak bersalah dan dibebaskan.